JUZU' KE-30

SURAH 'ABASA

SURAH KE

80

سُورَةُ عَبَسَ

SURAH 'ABASA

Surah Dia Memasamkan Muka

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

42

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

عَبَسَ وَتَوَلَّىٰٓ ۝١ أَن جَآءَهُ ٱلْأَعْمَىٰ ۝٢

وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُۥ يَزَّكَّىٰٓ ۝٣

أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنفَعَهُ ٱلذِّكْرَىٰٓ ۝٤ أَمَّا مَنِ ٱسْتَغْنَىٰ ۝٥

فَأَنتَ لَهُۥ تَصَدَّىٰ ۝٦ وَمَا عَلَيْكَ أَلَّا يَزَّكَّىٰ ۝٧

وَأَمَّا مَن جَآءَكَ يَسْعَىٰ ۝٨ وَهُوَ يَخْشَىٰ ۝٩

فَأَنتَ عَنْهُ تَلَهَّىٰ ۝١٠

"Dia (Muhammad) telah memasamkan mukanya dan berpaling mengabaikannya(1). Kerana seorang buta yang datang menemuinya(2). (Wahai Muhammad!) Tahukah engkau barangkali dia datang dengan tujuan untuk membersihkan dirinya(3). Atau untuk mencari pengajaran, dan pengajaran itu berguna kepadanya(4). Tetapi orang yang merasa dirinya berdikari(5).Maka engkau telah memberi layanan yang baik kepadanya(6). Sedangkan tiada menjadi apa-apa kesalahan kepadamu jika ia enggan membersihkan dirinya(7). Tetapi orang yang datang (tergesa-gesa) menemuimu(8). Dan ia takut kepada Allah(9). Maka engkau telah abaikannya."(10)

كَلَّآ إِنَّهَا تَذْكِرَةٌ ۝١١ فَمَن شَآءَ ذَكَرَهُۥ ۝١٢

فِى صُحُفٍ مُّكَرَّمَةٍ ۝١٣ مَّرْفُوعَةٍ مُّطَهَّرَةٍۭ ۝١٤

بِأَيْدِى سَفَرَةٍ ۝١٥ كِرَامٍۭ بَرَرَةٍ ۝١٦

قُتِلَ ٱلْإِنسَٰنُ مَآ أَكْفَرَهُۥ ۝١٧

مِنْ أَىِّ شَىْءٍ خَلَقَهُۥ ۝١٨

مِن نُّطْفَةٍ خَلَقَهُۥ فَقَدَّرَهُۥ ۝١٩

ثُمَّ ٱلسَّبِيلَ يَسَّرَهُۥ ۝٢٠

"Tidak sekali-kali begitu. Sesungguhnya ayat Al-Qur'an itu suatu peringatan(11). Oleh itu, siapa yang mahu ia boleh mengambil pengajaran darinya(12). Ia tercatat di dalam suhuf-suhuf yang dimuliakan(13). Yang dijunjung tinggi dan suci(14). Terpelihara di tangan malaikat-malaikat para utusan(15).Yang mulia dan ta'at setia(16). Wajarlah manusia itu dibunuh! Alangkah besar kekufurannya(17). Dari bahan apakah ia diciptakan Allah?(18). Allah ciptakannya dari nutfah dan menentukan perencanaan terhadapnya(19). Kemudian Dia memudahkannya memilih jalan."(20).

ثُمَّ أَمَاتَهُۥ فَأَقْبَرَهُۥ ۝٢١ ثُمَّ إِذَا شَآءَ أَنشَرَهُۥ ۝٢٢

كَلَّا لَمَّا يَقْضِ مَآ أَمَرَهُۥ ۝٢٣

فَلْيَنظُرِ ٱلْإِنسَٰنُ إِلَىٰ طَعَامِهِۦٓ ۝٢٤

أَنَّا صَبَبْنَا ٱلْمَآءَ صَبًّا ۝٢٥

ثُمَّ شَقَقْنَا ٱلْأَرْضَ شَقًّا ۝٢٦

فَأَنۢبَتْنَا فِيهَا حَبًّا ۝٢٧ وَعِنَبًا وَقَضْبًا ۝٢٨

وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا ۝٢٩ وَحَدَآئِقَ غُلْبًا ۝٣٠

"Kemudian Dia mematikannya dan mengkebumikannya(21). Kemudian apabila Dia kehendaki Dia membangkitkannya kembali(22). Tidak sekali-kali begitu, manusia belum lagi melaksanakan apa yang diperintahkan-Nya(23). Kemudian hendaklah manusia memerhatikan makanannya(24). Sesungguhnya Kami telah mencurahkan air dengan curahan yang lebat(25). Kemudian Kami belahkan bumi dengan belahan yang sempurna(26). Lalu Kami tumbuhkan padanya biji-bijian(27). Anggur dan sayur-sayuran(28). Zaitun dan kurma(29). Dan kebun-kebun yang merimbun subur."(30).

وَفَٰكِهَةً وَأَبًّا ۝٣١ مَّتَٰعًا لَّكُمْ وَلِأَنْعَٰمِكُمْ ۝٣٢

فَإِذَا جَآءَتِ ٱلصَّآخَّةُ ۝٣٣

يَوْمَ يَفِرُّ ٱلْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ ۝٣٤

وَأُمِّهِۦ وَأَبِيهِ ۝٣٥ وَصَٰحِبَتِهِۦ وَبَنِيهِ ۝٣٦

لِكُلِّ ٱمۡرِيٕٖ مِّنۡهُمۡ يَوۡمَئِذٖ شَأۡنٞ يُغۡنِيهِ ﴿٣٧﴾

وُجُوهٞ يَوۡمَئِذٖ مُّسۡفِرَةٞ ﴿٣٨﴾

ضَاحِكَةٞ مُّسۡتَبۡشِرَةٞ ﴿٣٩﴾

وَوُجُوهٞ يَوۡمَئِذٍ عَلَيۡهَا غَبَرَةٞ ﴿٤٠﴾

تَرۡهَقُهَا قَتَرَةٌ ﴿٤١﴾

أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡكَفَرَةُ ٱلۡفَجَرَةُ ﴿٤٢﴾

"Serta buah-buahan dan rumput-rampai(31). Untuk kenikmatan kamu dan ternakan kamu(32). Kemudian apabila tiba Qiamat yang gegak-gempita(33). Pada hari itu, setiap orang lari dari saudaranya(34). Dari ibu dan bapanya(35).Dari isteri dan anak-anaknya(36). Pada hari itu, setiap orang dari mereka sibuk dengan diri masing-masing(37). Pada hari itu, muka orang-orang (Mu'min) berseri-seri(38) Senyum ketawa dan gembira(39). Pada hari itu, muka orang-orang (kafir) comot berdebu(40). Di selubungi suram-muram(41). Merekalah orang-orang kafir yang derhaka."(42).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini mengandungi bahagian-bahagian yang amat kuat penjelasannya. Ia membicarakan berbagai-bagai hakikat yang besar. Sentuhan-sentuhannya amat mendalam. Ia mengemukakan gambaran-gambaran, bayangan-bayangan dan saranan-saranan yang unik. Ayat-ayatnya melahirkan nada-nada yang indah yang mengocak perasaan dan memberi ilham.

Bahagian pertama surah ini memperkatakan salah satu peristiwa yang berlaku dalam sirah Rasulullah s.a.w., iaitu ketika beliau sedang sibuk melayani rombongan pembesar-pembesar Quraisy untuk menyeru mereka kepada agama Islam, tiba-tiba beliau ditemui oleh Abdullah ibn Ummu Maktum seorang buta yang miskin. Ia tidak mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w. sedang duduk melayani rombongan itu. Ia terus meminta Rasulullah s.a.w. supaya mengajarnya apa yang telah disampaikan Allah kepadanya. Ini membuat Rasulullah s.a.w. tidak senang dan memasamkan mukanya dan tidak melayaninya, lalu turun Al-Qur'an dengan permulaan surah ini mengecamkan Rasulullah s.a.w. dengan kecaman yang amat tajam, dan menjelaskan hakikat nilai dalam kehidupan kelompok Islam dengan gaya bahasa yang kuat dan tegas di samping menjelaskan hakikat dan sifat da'wah Islam.

عَبَسَ وَتَوَلَّىٰٓ ﴿١﴾ أَن جَآءَهُ ٱلۡأَعۡمَىٰ ﴿٢﴾

وَمَا يُدۡرِيكَ لَعَلَّهُۥ يَزَّكَّىٰٓ ﴿٣﴾

أَوۡ يَذَّكَّرُ فَتَنفَعَهُ ٱلذِّكۡرَىٰٓ ﴿٤﴾ أَمَّا مَنِ ٱسۡتَغۡنَىٰ ﴿٥﴾

"Dia (Muhammad) telah memasamkan mukanya dan berpaling mengabaikannya(1). Kerana seorang buta yang datang menemuinya(2). (Wahai Muhammad!) Tahukah engkau barangkali dia datang dengan tujuan untuk membersihkan dirinya(3). Atau untuk mencari pengajaran, dan pengajaran itu berguna kepadanya(4). Tetapi orang yang merasa dirinya berdikari."(5)

فَأَنتَ لَهُۥ تَصَدَّىٰ ﴿٦﴾ وَمَا عَلَيۡكَ أَلَّا يَزَّكَّىٰ ﴿٧﴾

وَأَمَّا مَن جَآءَكَ يَسۡعَىٰ ﴿٨﴾ وَهُوَ يَخۡشَىٰ ﴿٩﴾

فَأَنتَ عَنۡهُ تَلَهَّىٰ ﴿١٠﴾

"Maka engkau telah memberi layanan yang baik kepadanya(6). Sedangkan tiada menjadi apa-apa kesalahan kepadamu jika ia enggan membersihkan dirinya(7). Tetapi orang yang datang (tergesa-gesa) menemuimu(8). Dan ia takut kepada Allah(9) Maka engkau telah abaikannya."(10)

كَلَّآ إِنَّهَا تَذۡكِرَةٞ ﴿١١﴾ فَمَن شَآءَ ذَكَرَهُۥ ﴿١٢﴾

فِي صُحُفٖ مُّكَرَّمَةٖ ﴿١٣﴾ مَّرۡفُوعَةٖ مُّطَهَّرَةِۭ ﴿١٤﴾

بِأَيۡدِي سَفَرَةٖ ﴿١٥﴾ كِرَامِۭ بَرَرَةٖ ﴿١٦﴾

"Tidak sekali-kali begitu. Sesungguhnya ayat Al-Qur'an itu suatu peringatan(11). Oleh itu, siapa yang mahu ia boleh mengambil pengajaran darinya(12). Ia tercatat di dalam suhuf-suhuf yang dimuliakan.(13) Yang dijunjung tinggi dan suci(14). Terpelihara di tangan malaikat-malaikat para utusan(15). Yang mulia dan ta'at setia."(16)

Bahagian yang kedua memperkatakan keingkaran dan kekufuran manusia yang jahat terhadap Tuhannya. Ia mengingatkan manusia asal-usul kejadiannya dan bagaimana Allah memberi kepadanya kemudahan untuk memilih jalan yang betul, bagaimana Allah menguruskan kematian dan kebangkitannya dan bagaimana manusia cuai melaksanakan perintah-Nya selepas itu:

قُتِلَ ٱلۡإِنسَٰنُ مَآ أَكۡفَرَهُۥ ﴿١٧﴾

مِنۡ أَيِّ شَيۡءٍ خَلَقَهُۥ ﴿١٨﴾

مِن نُّطۡفَةٍ خَلَقَهُۥ فَقَدَّرَهُۥ ﴿١٩﴾

ثُمَّ ٱلسَّبِيلَ يَسَّرَهُۥ ﴿٢٠﴾

"Wajarlah manusia itu dibunuh! Alangkah besar kekufurannya(17). Dari bahan apakah ia diciptakan Allah?(18). Allah ciptakannya dari nutfah dan menentukan perencanaan terhadapnya(19). Kemudian Dia memudahkannya memilih jalan."(20)

ثُمَّ أَمَاتَهُۥ فَأَقْبَرَهُۥ ﴿٢١﴾ ثُمَّ إِذَا شَآءَ أَنشَرَهُۥ ﴿٢٢﴾

كَلَّا لَمَّا يَقْضِ مَآ أَمَرَهُۥ ﴿٢٣﴾

"Kemudian Dia mematikannya dan mengkebumikannya(21). Kemudian apabila Dia kehendaki Dia membangkitkannya kembali(22). Tidak sekali-kali begitu, manusia belum lagi melaksanakan apa yang diperintahkan-Nya."(23)

Bahagian yang ketiga menarik hati manusia supaya memperhatikan satu bahan yang amat penting kepadanya iaitu makanannya dan makanan ternakannya dan bagaimana Allah mengaturkan pentadbiran dan perencanaan-Nya mengeluarkan makanan itu sama seperti Dia mengaturkan pentadbiran dan perencanaan-Nya untuk menciptakan diri manusia itu sendiri:

فَلْيَنظُرِ ٱلْإِنسَٰنُ إِلَىٰ طَعَامِهِۦٓ ﴿٢٤﴾

أَنَّا صَبَبْنَا ٱلْمَآءَ صَبًّا ﴿٢٥﴾

ثُمَّ شَقَقْنَا ٱلْأَرْضَ شَقًّا ﴿٢٦﴾ فَأَنۢبَتْنَا فِيهَا حَبًّا ﴿٢٧﴾

"Kemudian hendaklah manusia memerhatikan makanannya(24). Sesungguhnya Kami telah mencurahkan air dengan curahan yang lebat(25). Kemudian Kami belahkan bumi dengan belahan yang sempurna(26). Lalu Kami tumbuhkan padanya biji-bijian."(27)

وَعِنَبًا وَقَضْبًا ﴿٢٨﴾ وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا ﴿٢٩﴾

وَحَدَآئِقَ غُلْبًا ﴿٣٠﴾ وَفَٰكِهَةً وَأَبًّا ﴿٣١﴾

مَّتَٰعًا لَّكُمْ وَلِأَنْعَٰمِكُمْ ﴿٣٢﴾

"Anggur dan sayur-sayuran(28). Zaitun dan kurma(29). Dan kebun-kebun yang merimbun subur(30). Serta buah-buahan dan rumput-rampai(31). Untuk kenikmatan kamu dan ternakan kamu."(32)

Bahagian yang akhir Al-Qur'an memperkatakan Hari Qiamat yang gegak-gempita yang akan datang dengan segala malapetakanya yang tergambar jelas pada setiap kata-katanya, di samping tergambar jelas kesan-kesannya yang dahsyat pada hati manusia, hingga ia lupakan segala sesuatu yang lain darinya dan tergambar pada wajah-wajah mereka yang comot:

فَإِذَا جَآءَتِ ٱلصَّآخَّةُ ﴿٣٣﴾

يَوْمَ يَفِرُّ ٱلْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ ﴿٣٤﴾

وَأُمِّهِۦ وَأَبِيهِ ﴿٣٥﴾ وَصَٰحِبَتِهِۦ وَبَنِيهِ ﴿٣٦﴾

لِكُلِّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُغْنِيهِ ﴿٣٧﴾

"Kemudian apabila tiba Qiamat yang gegak-gempita(33). Pada hari itu, setiap orang lari dari saudaranya(34). Dari ibu dan bapanya(35). Dari isteri dan anak-anaknya(36). Pada hari itu, setiap orang dari mereka sibuk dengan diri masing-masing."(37)

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ مُّسْفِرَةٌ ﴿٣٨﴾

ضَاحِكَةٌ مُّسْتَبْشِرَةٌ ﴿٣٩﴾

وَوُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ عَلَيْهَا غَبَرَةٌ ﴿٤٠﴾ تَرْهَقُهَا قَتَرَةٌ ﴿٤١﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَفَرَةُ ٱلْفَجَرَةُ ﴿٤٢﴾

"Pada hari itu, muka orang-orang (Mu'min) berseri-seri(38). Senyum ketawa dan gembira(39). Pada hari itu, muka orang-orang (kafir) comot berdebu(40). Di selubungi suram-muram(41). Merekalah orang-orang kafir yang derhaka."(42)

Penayangan bahagian-bahagian surah dengan huraian sepintas lalu seperti ini mencurahkan ke dalam hati kesan-kesannya yang kuat dan mendalam, dan kami akan cuba pula menerangkan sudut-sudut pandangan yang jauh yang ditunjukkan oleh bahagian-bahagian surah ini, yang mungkin tidak dapat difahami menerusi pandangan pertama.

Pembentangan bahagian-bahagian surah ini dan ayat-ayatnya sekilas seperti ini mencurahkan kesan-kesan pada pernyataannya yang begitu kuat dan mendalam mempengaruhi hati kita sebaik sahaja ia menyentuhnya.

Kami akan cuba mendedahkan aspek-aspek dari maksud-maksudnya yang jauh oleh setengah-setengah bahagian surah ini yang tidak dapat difahami dengan pandangan sepintas lalu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 16)

عَبَسَ وَتَوَلَّىٰٓ ﴿١﴾ أَن جَآءَهُ ٱلْأَعْمَىٰ ﴿٢﴾

وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُۥ يَزَّكَّىٰٓ ﴿٣﴾

أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنفَعَهُ ٱلذِّكْرَىٰٓ ﴿٤﴾ أَمَّا مَنِ ٱسْتَغْنَىٰ ﴿٥﴾

"Dia (Muhammad) telah memasamkan mukanya dan berpaling mengabaikannya(1). Kerana seorang buta yang datang menemuinya(2). (Wahai Muhammad!) Tahukah engkau barangkali dia datang dengan tujuan untuk membersihkan dirinya(3). Atau untuk mencari pengajaran, dan pengajaran itu berguna kepadanya(4). Tetapi orang yang merasa dirinya berdikari."(5)

فَأَنتَ لَهُۥ تَصَدَّىٰ ﴿٦﴾ وَمَا عَلَيْكَ أَلَّا يَزَّكَّىٰ ﴿٧﴾

وَأَمَّا مَن جَآءَكَ يَسْعَىٰ ﴿٨﴾ وَهُوَ يَخْشَىٰ ﴿٩﴾

فَأَنتَ عَنْهُ تَلَهَّىٰ ﴿١٠﴾

"Maka engkau telah memberi layanan yang baik kepadanya(6). Sedangkan tiada menjadi apa-apa kesalahan kepadamu jika ia enggan membersihkan dirinya(7). Tetapi orang yang datang (tergesa-gesa) menemuimu(8). Dan ia takut kepada Allah(9). Maka engkau telah abaikannya."(10)

"Tidak sekali-kali begitu. Sesungguhnya ayat Al-Qur'an itu suatu peringatan(11). Oleh itu, siapa yang mahu ia boleh mengambil pengajaran darinya(12). Ia tercatat di dalam suhuf-suhuf yang dimuliakan(13). Yang dijunjung tinggi dan suci(14). Terpelihara di tangan malaikat-malaikat para utusan(15). Yang mulia dan ta'at setia."(16)

Bimbingan Ilahi yang diturun mengenai peristiwa ini amatlah besar. Ia jauh lebih besar dari apa yang dilihat dalam pandangan seimbas yang pertama. Ia merupakan bimbingan yang berdaya mu'jizat di samping merupakan hakikat yang mahu ditegakkannya di bumi ini, serta kesan-kesannya kepada kehidupan manusia setelah ditegakkannya di bumi. Mungkin hakikat ini merupakan mu'jizat pertama Islam, juga mu'jizatnya yang teragung. Tetapi bimbingan ini hanya datang begini sahaja, dalam bentuk ulasan atau teguran terhadap satu peristiwa peribadi. Inilah cara Ilahi dalam Al-Qur'an. Ia menggunakan suatu kejadian atau peristiwa yang tertentu sebagai peluang untuk menjelaskan satu hakikat yang mutlak dan satu sistem hidup yang tetap teguh.

Jika tidak, maka hakikat yang mahu ditegakkan oleh bimbingan ini dan kesan-kesannya yang wujud selepas ditegakkan dalam kehidupan umat Muslimin merupakan hakikat Islam itu sendiri. Inilah hakikat yang mahu ditegakkan Islam dan agama-agama samawi yang lain di bumi ini.

Hakikat ini bukanlah semata-mata hendak mengajar bagaimana hendak melayani seseorang yang tertentu atau sekelompok manusia yang tertentu mengikut pengertian yang dekat bagi peristiwa dan teguran itu, malah ia terlalu jauh dari maksud ini. Bahkan hakikat ini bertujuan mengajar bagaimana seharusnya manusia menimbang dan menilai segala urusan hidup mereka? Dan dari mana seharusnya mereka mengambil nilai-nilai sebagai asas pertimbangan dan penilaian mereka?

Tegasnya, hakikat yang mahu ditegakkan oleh bimbingan itu ialah supaya manusia yang hidup di bumi mengambil asas-asas penilaian dan pertimbangan mereka dari nilai-nilai Ilahi yang diturun dari langit semata-mata tanpa terikat dengan keadaan-keadaan persekitaran mereka di bumi dan dengan budaya hidup mereka, juga bukan dari nilai-nilai yang lahir dari kefahaman mereka yang terikat dengan budaya-budaya dan keadaan-keadaan persekitaran hidup mereka di bumi.

Pengaruh Realiti Kehidupan Manusia Menyulitkan Mereka Untuk Menghayati Nilai-nilai Luhur Dari Langit

Ini adalah suatu perkara yang amat besar dan sukar. Memang sukar bagi manusia untuk hidup dengan nilai-nilai dan pertimbangan-pertimbangan yang datang dari langit, yang bebas dari pertimbangan-pertimbangan bumi dan bebas pula dari tekanan-tekanannya.

Kita dapat memahami kebesaran dan kesulitan perkara ini apabila kita memahami bagaimana besarnya pengaruh realiti hidup manusia dan bagaimana beratnya ia menekan perasaan dan jiwa manusia, bagaimana sukarnya untuk menghindari pengaruh keadaan-keadaan persekitaran dan tekanan-tekanan yang lahir dari realiti hidup manusia, iaitu realiti yang terbit dari keadaan-keadaan hidup mereka, dari pertalian-pertalian kehidupan mereka, dari tradisi-tradisi yang diwarisi masyarakat mereka, dari sisa-sisa keladak sejarah mereka dan dari semua keadaan yang mengikat mereka di bumi dan menambahkan tekanan ukurannya, nilai-nilai dan kefahamannya ke atas jiwa manusia.

Begitu juga kita dapat memahami betapa besar dan sulitnya perkara ini apabila kita memahami bahawa Nabi Muhammad ibn Abdullah s.a.w. sendiri memerlukan kepada bimbingan ini dari Allah, malah memerlukan kepada kecaman-Nya yang tajam terhadap tindak-tanduknya iaitu kecaman yang menyarankan kehairanan terhadap cara layanannya.

Cukuplah untuk membuktikan betapa penting dan besarnya sesuatu perkara di alam ini apabila dikatakan bahawa Nabi Muhammad ibn Abdullah sendiri memerlukan kepada peringatan dan bimbingan dari Allah untuk memahaminya.

Ya, ini sahaja sudah cukup, kerana kebesaran dan ketinggian jiwa Muhammad yang masih memerlukan kepada peringatan dari bimbingan Allah untuk memahami persoalan ini, menunjukkan bahawa persoalan ini lebih besar dari kebesaran dan ketinggian jiwa beliau. Inilah hakikat persoalan ini yang menjadi sasaran bimbingan Allah untuk ditegakkannya di bumi melalui peristiwa yang unik ini.

Nilai Hidup Yang Teragung Ialah Taqwa

Bimbingan ini bertujuan agar manusia mengambil nilai-nilai dan ukuran-ukuran mereka dari langit dan bebas dari nilai-nilai bumi dan dari ukuran-ukurannya yang diambil dari seluruh realiti hidup mereka. Inilah persoalan yang agung.

Neraca yang telah diturunkan Allah kepada para rasul-Nya untuk menimbangkan nilai-nilai hidup seluruhnya ialah:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ

"Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang-orang yang paling bertaqwa."

(Surah al-Hujurat: 13)

Inilah satu-satunya nilai yang memberat atau meringankan timbangan seseorang manusia yang sebenar, dan inilah nilai Ilahi yang diturunkan dari langit yang tidak ada sebarang hubungan dengan budaya-budaya bumi dan keadaan-keadaan persekitarannya.

Tetapi manusia semuanya hidup di bumi. Mereka terikat sesama mereka dengan berbagai-bagai pertahan dan hubungan yang mempunyai nilai kepentingannya dan daya tarikan dalam kehidupan mereka, dan kerana itu mereka berinteraksi sesama mereka dengan nilai-nilai yang lain, iaitu nilai keturunan, nilai kekuatan, nilai kekayaan dan nilai hubungan-hubungan yang lahir dari pengagehan nilai-nilai itu, sama ada hubungan ekonomi atau bukan ekonomi. Di sinilah letaknya perbezaan kedudukan mereka di antara satu sama lain di mana setengahnya lebih kuat dan lebih tinggi dari yang lain mengikut ukuran bumi.

Kemudian datang Islam mengumumkan:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ

"Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang-orang yang paling bertaqwa."

(Surah al-Hujurat: 13)

Islam menolak semua nilai-nilai yang dipandang berat dalam kehidupan manusia, dan menekan perasaan mereka dan nilai-nilai yang mempunyai daya tarikannya yang kuat ke bumi, dan Islam menukarkan nilai-nilai ini dengan nilai baru yang diambil secara langsung dari langit, iaitu satu-satunya nilai yang diakui dalam pertimbangan neraca langit.

Kemudian berlaku peristiwa Abdullah ibn Ummu Maktum untuk menjelaskan nilai itu dalam bentuk peristiwa yang berlaku di alam kenyataan, di samping menjelaskan dasar pokok, iaitu neraca dan nilai pertimbangan yang sebenar ialah neraca dan nilai Ilahi yang diturunkan dari langit. Dan umat Islam adalah berkewajipan menolak semua nilai-nilai yang lain, semua pandangan, semua neraca dan semua pertimbangan manusia yang lahir dari hubungan mereka di bumi agar mereka mengambil nilai-nilai Ilahi sahaja yang diturunkan dari langit dan menimbangkan segala sesuatu dengan nilai itu.

Kisah Si Buta Miskin Abdullah Ibn Maktum Menemui Rasulullah Ketika Beliau Sedang Sibuk Melayani Pembesar-pembesar Quraisy Yang Kaya Raya

Seorang buta yang miskin iaitu Ibn Ummu Maktum telah datang kepada Rasulullah s.a.w. yang sedang sibuk melayani pembesar-pembesar Quraisy iaitu 'Utbah dan Syaibah, kedua-duanya anak Rabi'ah, Abu Jahl iaitu 'Amr ibn Hisyam, 'Umayyah ibn Khalaf, al-Walid ibn al-Mughirah, termasuk al-Abbas ibn Abdul Muttalib. Rasulullah s.a.w. menyeru mereka kepada Islam dan berharap agar kemasukan mereka ke dalam agama Islam akan memberi kebajikan kepada Islam ketika beliau sedang menghadapi kesulitan dan kesukaran di Makkah. Pembesar-pembesar inilah yang menentang Islam dengan harta kekayaan, kedudukan dan kekuatan mereka. Merekalah yang menahan orang ramai dari memeluknya. Mereka melakukan berbagai-bagai angkara dan tipu daya terhadap beliau hingga mereka dapat membekukan da'wahnya di Makkah, sedangkan orang-orang yang lain dari mereka hanya berdiri di luar Makkah. Mereka tidak menerima da'wah itu, walaupun beliau dilindungi seorang yang paling dekat dan paling rapat kepada beliau dari segi hubungan kerabat, kerana mereka hidup dalam masyarakat jahiliyah yang berdasarkan semangat kesukuan, di mana pendirian suku mengatasi segala nilai dan pertimbangan yang lain.

Seorang lelaki yang buta dan miskin telah datang kepada Rasulullah s.a.w. sedangkan beliau sibuk melayani pembesar-pembesar itu bukan untuk faedah dan kepentingan dirinya, tetapi untuk faedah dan kepentingan Islam. Andainya mereka memeluk Islam, maka segala rintangan hebat dan duri-duri tajam akan terhapus dari jalan yang dilalui da'wah Islam di Makkah, dan akan tersebarlah agama Islam di sekeliling Makkah selepas mereka menganut Islam.

Lelaki itu datang dan berkata kepada Rasulullah s.a.w.: *"Wahai Rasulullah! Bacalah kepadaku dan ajarkanku apa yang telah diajarkan Allah kepada anda."*

Ia berkata begitu berulang-ulang kali, ia tahu bahawa Rasulullah s.a.w. sedang sibuk dengan urusannya. Oleh kerana itu Rasulullah s.a.w. merasa tidak senang apabila ia datang memotong percakapannya dan mengganggu urusannya, dan tanda-tanda tidak suka itu kelihatan jelas pada air mukanya yang tidak dapat dilihat oleh lelaki itu. Beliau memasamkan wajahnya dan tidak melayaninya kerana ia telah mengganggu urusannya yang amat penting yang diharap dapat memberi faedah-faedah yang banyak kepada da'wah Islam. Beliau bertindak begitu kerana ingin menguatkan agamanya dan kerana keikhlasan beliau terhadap perkembangan da'wahnya, dan seterusnya kerana kesayangan beliau terhadap kepentingan Islam dan hasrat beliau untuk melihat Islam tersebar luas.

Di sini datanglah campurtangan dari langit memberi keputusan yang tegas, memasang tanda-tanda jalan yang terang dan menjelaskan neraca yang sebenar untuk menimbang nilai-nilai, tanpa memperdulikan pertimbangan-pertimbangan dan perhitungan-perhitungan yang lain termasuk perhitungan untuk kepentingan agama yang dilihat oleh manusia walaupun yang melihatnya ialah Rasulullah s.a.w. penghulu manusia sendiri.

Di sini datanglah kecaman dari Allah Yang Maha Tinggi terhadap nabi-Nya yang mulia yang mempunyai budi pekerti yang luhur... datanglah kecaman itu dalam ungkapan yang sangat keras, dan bagi pertama kali dalam seluruh Al-Qur'an, Allah berfirman kepada rasul-Nya yang dikasihi dengan menggunakan kata كلا atau **"tidak sekali-kali begitu"** iaitu sebuah kata-kata bantahan dan herdikan terhadap suatu perbuatan. Ini disebabkan kerana persoalan itu adalah satu persoalan agung yang menjadi asas agama ini.

Gaya bahasa ungkapan kecaman Ilahi itu merupakan satu gaya bahasa yang unik, yang tidak dapat diterjemahkan ke dalam bahasa persuratan manusia, kerana bahasa persuratan manusia terikat dengan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang boleh menghilangkan kehangatan ungkapan Ilahi yang segar dan penuh ilham itu. Keistimewaan gaya bahasa ungkapan Al-Qur'an terletak pada kebolehannya menyampaikan sesuatu dengan sentuhan-sentuhan sepintas, dengan kata-kata yang pendek, dengan pengucapan yang penuh perasaan dan dengan pengungkapan yang mengandungi nada-nada, ciri-ciri dan imbasan-imbasan pandangan yang hidup.

عَبَسَ وَتَوَلَّىٰٓ ﴿١﴾ أَن جَآءَهُ ٱلۡأَعۡمَىٰ ﴿٢﴾

"Dia (Muhammad) telah memasamkan mukanya dan berpaling mengabaikannya(1). Kerana seorang yang buta datang menemuinya."(2)

Dengan menggunakan kata-kata cerita seorang yang lain yang tidak ada. Cara ini membayangkan bahawa maudhu' pembicaraan itu tidak disukai Allah hingga Ia tidak mahu menunjukkan maudhu' itu secara langsung kepada nabi kesayangan-Nya kerana kasihkannya dan kerana menghormatinya dari terus mengemukakan kepadanya perkara yang tidak diingininya itu.

Kemudian ungkapan itu diubahkan kepada kecaman dalam bentuk percakapan yang ditujukan secara langsung kepada Rasulullah s.a.w setelah disembunyikan perbuatan beliau yang menimbulkan kecaman itu. Ia diungkapkan agak tenang pada mulanya:

وَمَا يُدۡرِيكَ لَعَلَّهُۥ يَزَّكَّىٰٓ ﴿٣﴾
أَوۡ يَذَّكَّرُ فَتَنفَعَهُ ٱلذِّكۡرَىٰٓ ﴿٤﴾

"(Wahai Muhammad!) Tahukah engkau barangkali dia datang dengan tujuan untuk membersihkan dirinya(3). Atau untuk mencari pengajaran, dan pengajaran itu berguna kepadanya." (4)

Tahukah engkau barangkali kebajikan yang besar ini akan menjadi kenyataan, apabila si lelaki yang buta dan miskin yang datang mencari pengajaran darimu itu dapat membersihkan dirinya dan membuat hatinya sedar dan mendapat pengajaran yang berguna kepadanya? Tahukah engkau barangkali hati lelaki itu akan disinari nur Allah yang akan mengubahkannya menjadi rumah nur yang sentiasa menerima nur dari langit? Kebajikan ini akan menjadi kenyataan apabila ada hati yang membuka pintunya untuk menerima hidayat dan apabila hakikat iman terpacak kukuh di dalam hatinya. Inilah persoalan agung di dalam neraca pertimbangan Allah.

Kemudian nada kecaman itu meninggi dan kata-katanya bertambah keras. Ia berubah dari ungkapan-ungkapan yang membayangkan kehairanan kepada kaum:

أَمَّا مَنِ ٱسۡتَغۡنَىٰ ﴿٥﴾ فَأَنتَ لَهُۥ تَصَدَّىٰ ﴿٦﴾
وَمَا عَلَيۡكَ أَلَّا يَزَّكَّىٰ ﴿٧﴾ وَأَمَّا مَن جَآءَكَ يَسۡعَىٰ ﴿٨﴾
وَهُوَ يَخۡشَىٰ ﴿٩﴾ فَأَنتَ عَنۡهُ تَلَهَّىٰ ﴿١٠﴾

"Tetapi orang yang merasa dirinya berdikari(5). Maka engkau telah memberi layanan yang baik kepadanya(6). Sedangkan tiada menjadi apa-apa kesalahan kepadamu jika ia enggan membersihkan dirinya(7). Tetapi orang yang datang (tergesa-gesa) menemuimu(8). Dan ia takut kepada Allah(9). Maka engkau telah abaikannya."(10)

Yakni orang-orang yang terus terang menyatakan sikap berdikari yang tidak perlu kepadamu, kepada agamamu dan kepada hidayat, kepada kebajikan, kepada nur dan kepada kebersihan yang dibawa oleh da'wahmu, maka engkau telah memberi kepada mereka layanan yang baik, dan engkau bersusah payah supaya mereka mendapat hidayat, sedangkan mereka tidak menghiraukanmu.

وَمَا عَلَيۡكَ أَلَّا يَزَّكَّىٰ ﴿٧﴾

"Sedangkan tiada menjadi apa-apa kesalahan kepadamu jika ia enggan membersihkan dirinya."(7)

Apa mudaratnya kepadamu jika mereka terus bergelimang dalam noda dan dosa mereka? Engkau tidak bertanggungjawab terhadap dosa mereka, dan engkau tidak diberi pertolongan kerana mereka dan bukannya tugas engkau menjaga mereka.

وَأَمَّا مَن جَآءَكَ يَسۡعَىٰ ﴿٨﴾ وَهُوَ يَخۡشَىٰ ﴿٩﴾
فَأَنتَ عَنۡهُ تَلَهَّىٰ ﴿١٠﴾

"Tetapi orang yang datang (tergesa-gesa) menemuimu(8). Dan ia takut kepada Allah(9). Maka engkau telah abaikannya."(10)

Allah namakan sikap tidak melayani seseorang Mu'min yang ingin mencari pengajaran sebagai perbuatan yang abai dan cuai. Ini merupakan satu kenyataan yang berat.

Kemudian nada kecaman itu bertambah tinggi lagi hingga sampai kepada darjah mengherdik dan

membantah, **"tidak sekali-kali begitu."** Yakni ini tidak sepatutnya berlaku buat selama-lamanya. Ia merupakan satu ungkapan yang menarik perhatian di tempat ini.

Da'wah Tidak Menghargai Pangkat Kebesaran Dan Kekayaan, Tetapi Menghargai Siapa Sahaja Yang Ingin Menerimanya

Kemudian ia menerangkan hakikat da'wah, kemuliaannya, kebesarannya, keluhurannya dan sifatnya yang tidak memerlukan kepada sesiapa dan kepada apa-apa bentuk bantuan dan sandaran. Da'wah hanya memberi perhatian kepada sesiapa yang berkehendak kepadanya walau apa pun pangkat dan kedudukannya dalam ukuran dunia:

"Tidak sekali-kali begitu. Sesungguhnya ayat Al-Qur'an itu suatu peringatan(11). Oleh itu, siapa yang mahu ia boleh mengambil pengajaran darinya(12). Ia tercatat di dalam suhuf-suhuf yang dimuliakan(13). Yang dijunjung tinggi dan suci(14). Terpelihara di tangan malaikat-malaikat para utusan(15). Yang mulia dan ta'at setia."(16)

Ayat-ayat Al-Qur'an itu mulia dalam semua pertimbangan dan mulia di dalam suhuf-suhufnya. Ia dijunjung tinggi dan suci, ia diserahkan kepada utusan-utusan daripada malaikat yang tertinggi, yang mulia dan ta'at setia untuk dikirimkan kepada para rasul yang terpilih di bumi supaya disampaikan kepada penghuni-penghuninya.

Itulah sifat malaikat-malaikat yang mulia dan ta'at setia. Ayat-ayat Al-Qur'an itu amat mulia dan suci dalam segala perkara yang dibicara dan disentuhkan olehnya, sama ada dari dekat atau dari jauh. Ayat-ayat itu amat mulia, ia tidak ditawarkan kepada orang-orang yang enggan menerimanya iaitu orang-orang yang terang-terang menyatakan bahawa mereka tidak memerlukannya. Ia hanya ditawarkan kepada orang yang mengiktirafkan kemuliaannya dan mahu membersihkan diri dengannya.

Penjelasan ayat-ayat ini merupakan neraca Allah untuk menimbangkan nilai-nilai dan ukuran-ukuran dan untuk menilaikan manusia dan kedudukan mereka. Inilah keputusan Allah dan seluruh keputusan harus dirujukkan kepada-Nya.

Peristiwa ini berlaku di Makkah ketika da'wah Islam ditentang hebat dan bilangan orang-orang Mu'min amat kecil. Perbuatan Rasulullah s.a.w. melayani pembesar-pembesar itu bukanlah terbit dari kepentingan peribadi, dan perbuatan beliau mengabaikan si buta yang miskin itu bukanlah pula terbit dari pertimbangan peribadi, kerana yang menjadi perhitungan beliau pada awal dan akhir ialah perkembangan da'wah. Tetapi yang menjadi hakikat da'wah ialah neraca dan nilai-nilai ini. Kedatangan da'wah ialah untuk menegakkan neraca dan nilai-nilai ini dalam kehidupan manusia. Da'wah tidak boleh menjadi mulia, kuat dan terbela, melainkan apabila tegaknya neraca dan nilai-nilai ini.

Persoalan yang sebenar adalah lebih besar dari peristiwa Ibn Ummu Maktum yang unik itu, dan lebih luas dari maudhu'nya yang langsung. Persoalan yang sebenar ialah manusia harus menerima neraca-neraca dan nilai-nilai dari langit bukannya dari bumi dan menerima pertimbangan-pertimbangan dari Allah bukan pertimbangan-pertimbangan dari bumi.

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ

"Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa."

(Surah al-Hujurat: 13)

Orang Yang Paling Mulia Mengikut Nilai Dan Pertimbangan Allah

Orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang mendapat perhatian dan layanan Allah walaupun ia tidak mempunyai nilai-nilai dan ukuran-ukuran yang lain yang diiktirafkan oleh manusia di bawah tekanan realiti dan budaya-budaya hidup mereka di dunia seperti keturunan, kekuatan, harta kekayaan dan lain-lain nilai. Semua nilai dunia tidak mempunyai apa-apa erti apabila ia kosong dari keimanan dan ketaqwaan. Hanya satu sahaja syarat untuk menjadikan nilai-nilai dunia itu mempunyai erti dan maknanya, ia harus digunakan untuk kepentingan iman dan taqwa.

Inilah hakikat agung yang mahu ditegakkan oleh bimbingan Ilahi dalam peristiwa ini mengikut cara Al-Qur'an yang menggunakan peristiwa yang unik dan kesempatan yang tertentu itu sebagai sarana untuk menegakkan hakikat yang mutlak dan sistem hidup yang tetap.

* * * * * *

Reaksi Rasulullah Terhadap Teguran Dan Bimbingan Allah

Rasulullah s.a.w. telah menerima bimbingan dan kecaman Ilahi dengan penuh terharu dan terus berusaha menegakkan hakikat nilai ini dalam seluruh kehidupan peribadinya dan kehidupan kelompok Muslimin dengan sifatnya sebagai hakikat Islam yang pertama.

Tindakan pertama yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ialah mengumumkan surah yang telah diturunkan kepadanya, yang mengandungi bimbingan dan kecaman Ilahi dalam peristiwa itu. Pengumuman itu sungguh hebat sekali. Ia hanya sanggup dilakukan oleh seorang yang bersifat rasul sahaja jika dilihat dari apa sahaja sudut pandangan kita di waktu itu. Ya, tiada yang sanggup mengumumkan kepada khalayak ramai kecuali rasul bahawa beliau telah dikecam

hebat kerana suatu kesilapan yang telah dilakukannya. Bagi seorang pembesar yang bukan rasul cukuplah ia mengetahui kesilapan itu untuk dihindarinya di masa depan, tetapi urusan nubuwah adalah suatu urusan yang tidak dan mempunyai ufuk-ufuk yang lain pula.

Tiada orang lain melainkan rasul sahaja yang sanggup mengumumkan hakikat nilai ini dengan tenang dan di hadapan pembesar Quraisy dalam masa da'wah Islam sedang menghadapi golongan-golongan yang berbangga dengan keturunan, pangkat kebesaran, harta kekayaan dan kekuatan kerana mereka hidup dalam masyarakat yang tidak memberi tempat kepada yang lain dari nilai-nilai itu hingga mereka pernah mengatakan kepada Muhammad ibn Abdullah ibn Abdul Muttalib ibn Hasyim:

"Mengapakah Al-Qur'an ini tidak diturunkan kepada seorang pembesar salah satu dari dua negeri ini?"

(Surah az-Zukhruf: 31)

Inilah pandangan mereka terhadap beliau walaupun beliau dari keturunan Quraisy seperti mereka. Ini adalah semata-mata kerana beliau tidak pernah menjadi ketua dan pemimpin di dalam kalangan mereka sebelum menjadi nabi.

Kemudian hakikat nilai yang seperti ini tidak mungkin lahir dari masyarakat yang seumpama ini, malah ia lahir dari wahyu langit. Ia tidak mungkin lahir dari bumi dan tidak mungkin lahir dari bumi Makkah itu sendiri di zaman itu, hanya kekuatan dari langitlah yang menurunkan hakikat ini menerusi Rasulullah s.a.w. kepada masyarakat sekelilingnya hingga bertunjang kuat, mendalam dan dinamis zaman berzaman dalam kehidupan umat Muslimin.

Pengumuman nilai ini merupakan suatu kelahiran baru bagi umat manusia sama seperti kelahiran tabi'i mereka, malah ia lebih besar ertinya dari kelahiran tabi'i, kerana manusia mencapai kebebasannya yang hakiki baik dari segi perasaan mahupun dari segi realiti iaitu kebebasan dari nilai-nilai bumi kepada nilai-nilai yang turun dari langit, yang terpisah dari segala nilai, segala neraca, segala kefahaman, segala perhitungan, segala keadaan persekitaran amali, dan pertalian-pertatian di alam kenyataan yang mempunyai pengaruh dan tekanan yang kuat, juga bebas dari segala hubungan darah daging dan perasaan. Kemudian nilai-nilai baru itu difahami dan diterima oleh semua orang Islam kemudian persoalan yang agung itu berubah menjadi lunas kebenaran yang diterima sepenuhnya oleh hati nurani seorang Muslim, di samping menjadi syari'at dan hakikat hidup pertama masyarakat Islam yang kekal zaman berzaman dalam kehidupan umat Muslimin.

Kita hampir-hampir tidak dapat memahami kelahiran yang baru itu kerana kita tidak dapat menggambarkan dalam hati kita hakikat kebebasan dari nilai-nilai, ukuran-ukuran dan pertimbangan-pertimbangan yang diwujudkan oleh peraturan-peraturan bumi dan hubungan-hubungannya yang mempunyai kesan yang amat kuat hingga setengah-setengah pejuang aliran-aliran teori progresif memandang bahawa nilai ekonomi itulah satu-satunya faktor yang menentukan nasib manusia, menentukan 'aqidah-'aqidah dan kesenian-kesenian mereka, menentukan adab-adab cara, undang-undang dan adat resam mereka, dan menentukan kefahaman-kefahaman mereka terhadap hidup sebagaimana ditegaskan oleh pemimpin-pemimpin teori Pentafsiran Kebendaan Terhadap Sejarah[1] yang berpandangan sempit dan terlalu jahil dengan hakikat-hakikat jiwa manusia dan hakikat-hakikat hidup.

Hakikat ini merupakan satu mu'jizat, iaitu mu'jizat kelahiran baru bagi manusia menerusi agama Islam di zaman itu.

* * * * * *

Sejak kelahiran yang baru itu, nilai-nilai ini pun mula bertapak, tetapi masalah ini tidak mudah di dalam masyarakat Arab dan tidak pula mudah di dalam jiwa umat Muslimin itu sendiri, tetapi Rasulullah s.a.w. dengan kehendak Allah, dengan tindakan-tindakannya, dengan kepimpinan dan bimbingannya yang lahir dari keghairahan perasaannya yang berkobar-kobar terhadap bimbingan Al-Qur'an telah berjaya menanamkan hakikat nilai ini dalam hati dan kehidupan orang-orang Islam serta menjaga dan mengasuhnya hingga akar-akarnya bertunjang kukuh dan dahan-dahannya bercabang-cabang subur menaungi kehidupan umat Muslimin berabad-abad lamanya walaupun menghadapi berbagai-bagai faktor kejatuhan yang lain.

Selepas peristiwa ini Rasulullah s.a.w. sentiasa menunjukkan senyum manisnya dan memberi layanan yang baik kepada Ibn Ummu Maktum, setiap kali beliau bertemu dengannya, beliau berkata: *"Selamat bertemu dengan orang yang menyebabkan aku dikecam oleh Tuhanku."*

Beliau telah melantik Ibn Ummu Maktum sebanyak dua kali sebagai pemangku pemerintah Madinah selepas Hijrah.

Penghormatan Rasulullah Kepada Ibn Ummu Maktum Dan Golongan Bekas-bekas Abdi

Untuk menghancurkan nilai-nilai masyarakat Arab yang lahir dari perhitungan bumi dan budaya-

---

[1] *Seperti Hegel dan Karl Marx. Menurut teori ini, kekuatan kebendaan atau ekonomi itulah yang menentukan perjalanan sejarah - (Penterjemah).*

budayanya, beliau telah mengahwinkan sepupunya Zainab binti Jahsy al-Asadiyah dengan Zayd ibn Harithah, bekas hambanya yang dibebas, sedangkan perkahwinan dan persemendaan itu merupakan perkara yang amat sensitif terutama dalam masyarakat Arab.

Sebelum itu beliau telah mempersaudarakan di antara orang-orang Islam di awal Hijrah. Beliau jadikan bapa saudaranya Hamzah bersaudara dengan bekas hambanya Zayd, dan Khalid ibn Ruwayhah al-Khatha'mi bersaudara dengan Bilal ibn Rabah.

Beliau telah mengirim Zayd ibn Harithah sebagai panglima agung tentera Islam di dalam Peperangan Mu'tah, di bawahnya ialah Ja'far ibn Abu Talib dan Abdullah ibn Abu Rawahah al-Ansari memimpin tiga ribu orang tentera dari para Muhajirin dan para Ansar termasuk pahlawan Khalid ibn al-Walid. Rasulullah s.a.w. sendiri keluar menghantar keberangkatan mereka. Dalam peperangan itulah ketiga-tiga panglima perang itu radiallahu 'anhum gugur syahid.

Perlantikan 'Usamah Ibn Zayd Sebagai Panglima Agung Tentera Islam Yang Termuda

Tindakan Rasulullah s.a.w. yang paling akhir ialah melantik 'Usamah ibn Zayd mengepalai satu angkatan tentera untuk memerangi Rom. Angkatan ini mengandungi ramai dari orang-orang Muhajirin dan Ansar termasuk Abu Bakr dan Umar, iaitu dua orang sahabat dan menteri Rasulullah s.a.w. juga dua orang khalifah selepasnya yang dipilih dengan kata sepakat orang-orang Islam, juga termasuk Sa'ad ibn Abu Waqqas kerabat Rasulullah s.a.w. dan dari suku Quraisy yang paling awal memeluk agama Islam.

Perlantikan 'Usamah selaku panglima besar angkatan tentera itu telah menimbulkan sungutan setengah-setengah orang kerana 'Usamah terlalu muda untuk jawatan itu. Hal ini telah diceritakan oleh ibn Umar r.a. katanya: *"Rasulullah s.a.w. telah mengirim satu angkatan tentera yang dikepalai oleh 'Usamah ibn Zayd r.a. Perlantikan beliau telah dibantah oleh setengah-setengah orang, lalu Nabi s.a.w. bersabda: Jika kamu membantah perlantikannya sebagai kepala angkatan tentera, maka kamu juga telah membantah perlantikan bapanya sebelum ini. Demi Allah, dia adalah seorang yang layak untuk mengepalai angkatan tentera, dan jika jawatan itu patut disandang oleh orang yang paling disukaiku, maka 'Usamah inilah orang yang paling disukaiku."* [2]

Penghormatan Rasulullah Kepada Salman Al-Farisi

Apabila berlaku kekecohan tentang Salman al-Farisi dan mereka mula memperkatakan tentang bangsa Parsi dan bangsa Arab mengikut ilham semangat perkauman yang sempit, Rasulullah s.a.w. telah menyampaikan keputusannya yang muktamad dalam perkara itu dengan sabdanya: *"Salman adalah dari kami Ahlil-Bait."* [3]

Dengan nilai dan neraca langit, Rasulullah s.a.w. telah membawa Salman al-Farisi menyeberangi sempadan-sempadan keturunan dan perkauman sempit yang dibangga-banggakan mereka dan terus dijadikannya Ahlil-Bait.

Kisah Keterlanjuran Abu Zar Al-Ghifari Kepada Bilal Ibn Rabah

Apabila berlaku pertelingkahan di antara Abu Zar al-Ghifari dan Bilal ibn Rabah r.a. di mana Abu Zar terlancar lidahnya berkata kepada Bilal: *"Wahai anak mak hitam!"*

Rasulullah s.a.w. telah menyatakan kemarahannya yang amat besar dan bersabda kepadanya dengan keras dan menakutkan: *"Wahai Abu Zar! Semuanya kurang belaka, tiada kelebihan bagi anak mak putih dengan anak mak hitam."* [4]

Di sini beliau telah menjelaskan perbezaan dalam perkara itu hingga ke akar-akarnya yang jauh. Jika mengikut Islam, maka yang diikuti ialah nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan langit. Dan jika mengikut jahiliyah, maka yang diikut ialah nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan bumi.

Kata-kata Rasulullah s.a.w. yang hangat itu telah menjejak hati Abu Zar yang peka, dan membuatnya begitu terharu, lalu ia meletakkan dahinya ke bumi dan bersumpah bahawa ia tidak akan mengangkatkan dahinya hingga dipijak oleh Bilal untuk menebuskan dosanya dari kata-katanya yang amat kesat.

Di sini neraca yang mengangkatkan darjah Bilal ialah neraca langit. Menurut cerita Abu Huwayrah r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

يا بلال حدثني بأرجى عمل عملته في الإسلام منفعة عندك . فإني سمعت الليلة خشف نعليك بين يدي في الجنة . فقال : ما عملت في الإسلام عملاً أرجى عندي منفعة من أني لاأتطهر طهوراً تاماً في ساعة من ليل أو نهار إلا صليت بذلك الطهور ما كتب لي أن أصلي.

"Wahai Bilal: Ceritakan kepadaku apakah amalan yang engkau kerjakan dalam Islam yang lebih engkau harapkan berguna kepadamu, kerana malam tadi (dalam mimpiku) aku dengar bunyi capalmu di depanku dalam Syurga." Jawab Bilal: "Tiada amalan yang aku kerjakan dalam Islam yang lebih aku harapkan berguna kepadaku dari amalanku bersuci (mengambil wudhu') dengan sempurna pada mana-mana waktu, sama ada malam atau siang, kemudian aku sembahyang dengan wudhu' itu sebanyak yang ditetapkan kepadaku supaya aku sembahyang." [5]

---

[2] *Dikeluarkan oleh Al-Bukhari, Muslim dan at-Tirmizi.*

[3] *Dikeluarkan oleh At-Tabrani dan al-Hakim.*

[4] *Dikeluarkan oleh Ibn al-Mubarak.*

[5] *Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dan Muslim.*

Rasulullah s.a.w. telah bersabda tentang 'Ammar ibn Yasir apabila ia meminta izin untuk menemui beliau: *"Izinkannya masuk. Selamat datang seorang yang jujur yang sentiasa dijujurkan Allah."* [6]

Sabdanya tagi tentang 'Ammar: *"Ammar r.a. telah dipenuhkan dengan iman hingga ke hujung-hujung tulangnya yang lembut."* [7]

Penghormatan Rasulullah Kepada Abdullah Ibn Mas'ud

Dari Huzayfah r.a., sabda Rasulullah s.a.w.:

"Aku tidak tahu selama manakah aku akan ada bersama kamu, oleh itu ikutilah selepasku dua orang ini", beliau menunjukkan kepada Abu Bakr dan 'Umar r.'anhuma *"berpandulah dengan petunjuk 'Ammar" dan apa yang diceritakan oleh Ibn Mas'ud hendaklah kamu percayakannya."* [8]

Bagi orang-orang asing dari Madinah, Ibn Mas'ud dianggapkan sebagai anggota keluarga Rasulullah s.a.w. Dari Abu Musa r.a. katanya: "Aku bersama saudaraku datang dari Yaman, kami tinggal di Madinah sebentar dan kami fikir Ibn Mas'ud dan ibunya dari keluarga Rasulullah s.a.w. kerana terlalu kerap mereka keluar masuk menemui Rasulullah dan duduk bersama-sama dengannya"[9]

Penghormatan Rasulullah Kepada Julaybib

Seorang lagi bekas hamba iaitu Julaybib. Rasulullah s.a.w. sendiri telah meminang seorang perempuan Ansar untuk dikahwinkan dengan Julaybib. Apabila kedua orang tua perempuan itu enggan merestuinya, perempuan itu berkata kepada mereka:

"Sukakah ayah dan ibu menyerahkan perkara ini kepada Rasulullah s.a.w.? Jika beliau bersetuju, maka kahwinkannya dengan saya." Lalu kedua-dua orang tua itu bersetuju dan terus mengahwinkan mereka.[10]

Tidak lama selepas perkahwinan itu Rasulullah s.a.w. telah kehilangan Julaybib dalam satu pertempuran yang mengakibatkannya gugur syahid. Menurut Abu Barzah al-Aslami r.a. katanya:

Rasulullah s.a.w. telah memasuki satu peperangan, lalu Allah memberi kemenangan kepadanya. Beliau bertanya para Sahabat: "Adakah kamu kehilangan sesiapa lagi?" Jawab mereka: "Ya. Kami hilang si anu, si anu dan si anu." Kemudian Nabi bertanya lagi: "Adakah kamu kehilangan sesiapa lagi?" Jawab mereka: 'Ya. Kami kehilangan si anu, si anu dan si anu." Kemudian beliau bertanya lagi: "Adakah kamu kehilangan sesiapa lagi?" Jawab mereka, " Tidak ada lagi." Lalu beliau bersabda: "Aku kehilangan Julaybib." Lalu mereka mencarinya dan menemui mayatnya berada dekat dengan tujuh mayat musuh yang telah dibunuhnya dan akhirnya mereka membunuhnya. Lalu Nabi s.a.w. pun datang dan berdiri di depan mayatnya kemudian bersabda: *"Dia telah membunuh tujuh orang musuh dan kemudian mereka membunuhnya. Dia dariku dan aku darinya. Dia dariku dan aku darinya."*

Kemudian beliau meletakkan mayat Julaybib itu di atas dua lengannya, tanpa pengalas yang lain selain dari dua lengan beliau.

Kata Abu Barzah: Lalu beliau menggali tanah dan meletakkan Julaybib dalam kuburnya, dan Abu Barzah tidak menyebut hal mandinya.[11]

* * * * * *

Dengan bimbingan Ilahi itu dan dengan contoh teladan Nabi s.a.w., terlaksanalah kelahiran baru bagi manusia dalam satu bentuk yang unik, dan dengan itu lahirlah masyarakat Rabbani yang menerima nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangannya dari langit, iaitu nilai-nilai yang bebas dari ikatan-ikatan bumi walaupun mereka hidup di bumi. Ini adalah mu'jizat Islam yang agung, iaitu mu'jizat yang tidak akan terlaksana melainkan dengan iradat Allah dan amalan Rasulullah s.a.w., dan mu'jizat ini sendiri membuktikan bahawa agama ini adalah dari Allah dan orang yang membawa agama ini adalah utusan dari Allah.

Kedudukan Abu Bakr Dan 'Umar Dalam Kepimpinan Islam

Di antara pentadbiran Allah terhadap agama ini selepas wafatnya Rasulullah s.a.w. ialah agama ini dipimpin oleh sahabatnya yang pertama Saidina Abu Bakr dan sahabatnya yang kedua Saidina 'Umar, iaitu dua orang tokoh yang paling dekat yang memahami tabi'at agama ini, dan yang paling sebati menerima contoh teladan Rasulullah, juga dua orang manusia yang paling kasih kepada Rasulullah s.a.w. dan paling patuh mengikut jejak langkah Rasulullah s.a.w. dan amalan-amalan yang disukainya.

Selepas wafat Rasulullah s.a.w., Abu Bakr r.a. telah mengukuhkan keputusan Rasulullah s.a.w. yang telah melantikkan 'Usamah sebagai panglima besar tentera. Oleh itu, tugas pertama yang dilakukan oleh Abu Bakr selepas memegang jawatan Khalifah ialah meneruskan pengiriman angkatan tentera yang disusun oleh Rasulullah s.a.w. di bawah pimpinan 'Usamah itu. Dan beliau sendiri telah menghantar angkatan itu hingga sampai di luar Madinah. Panglima 'Usamah yang muda itu menunggang, sedangkan Khalifah Abu Bakr yang tua itu berjalan kaki. Ini membuat panglima muda itu merasa serba salah dan malu, lalu berkata: "Wahai khalifah

---

[6] *Dikeluarkan oleh at-Tirmizi.*

[7] *Dikeluarkan oleh an-Nasai'.*

[8] *Dikeluarkan oleh at-Tirmizi.*

[9] *Dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim dan at-Tirmizi'.*

[10] *Dari hadith Musnad al-Imam Ahmad dari Anas.*

[11] *Dikeluarkan oleh Muslim.*

Rasulullah! Silalah naik kenderaan ini atau saya turun sahaja."

Tetapi Khalifah Abu Bakr bersumpah: "Demi Allah, jangan turun! Demi Allah. Aku tidak akan naik kenderaan. Apa salahnya aku cemarkan dua tapak kakiku dengan debu sebentar untuk Sabilullah."

Kemudian Khalifah Abu Bakr berfikir bahawa beliau sangat memerlukan kepada Sayyidina 'Umar, kerana beliau sedang memikul beban Khalifah yang berat, tetapi Sayyidina 'Umar di waktu itu hanya merupakan seorang perajurit dalam angkatan tentera yang dipimpin oleh 'Usamah. Oleh itu, beliau harus meminta izin dari ketuanya 'Usamah. Lalu beliau berkata kepada 'Usamah: "Jika engkau fikir engkau boleh menolongku dengan 'Umar, silalah engkau buat keputusan."

Ya Allah, dia boleh berkata: Jika engkau fikir engkau boleh menolongku dengan 'Umar, silalah engkau buat keputusan.

Itulah kemuncak-kemuncak yang amat tinggi yang tidak dapat dicapai melainkan dengan iradat Allah menerusi tangan rasul-Nya.

'Umar Mengikut Jejak Rasulullah Menghormati Golongan Abdi

Kemudian roda zaman berlalu, Sayyidina 'Umar ibn al-Khattab memegang jawatan Khalifah. Beliau telah melantik 'Ammar ibn Yasir selaku gabenor Kufah.

Satu masa ada rombongan menunggu di pintu untuk bertemu dengan Khalifah 'Umar. Mereka ialah Suhail ibn 'Amr ibn al-Harith ibn Hisyam, Abu Sufyan ibn Harb dan sekumpulan pembesar-pembesar Quraisy yang terpaksa memeluk Islam. Kemudian yang diizinkan masuk sebelum mereka ialah Syuhayb dan Bilal kerana kedua-dua mereka merupakan orang-orang dari barisan pertama yang memeluk agama Islam juga merupakan para pahlawan dalam Peperangan Badar. Ini membuat Abu Sufyan amat tersinggung, lalu berkata dengan emosi jahiliyahnya:

"Aku tak pernah lihat seperti hari ini. Ia izinkan hamba-hamba itu masuk menemuinya dan meninggalkan kita sekalian menunggu di pintunya."

Lalu kawannya yang telah memahami hakikat Islam itu berkata:

"Wahai sekalian yang hadir! Demi Allah aku nampak tanda-tanda marah di muka kamu. Jika kamu marah, maka marahlah kepada diri kamu sendiri. Dulu orang-orang itu diseru kepada agama Islam dan kamu juga diseru kepadanya, tetapi orang-orang itu menyambut seruan itu dengan segera, sedangkan kamu sekalian lambat dan lewat. Bagaimana nanti jika orang-orang itu dipanggil pada hari Qiamat, sedangkan kamu ditinggalkan begini?"[12]

Sayyidina 'Umar telah menetapkan habuan kepada 'Usamah bin Zayd lebih besar dari habuan kepada anaknya Abdullah ibn 'Umar. Apabila ditanya oleh Abdullah tentang sebab perbezaan itu beliau menjawab:

"Wahai anakku! Zayd r.a. itu adalah orang yang lebih dikasihi Rasulullah s.a.w. dari bapamu dan 'Usamah r.a. lebih dikasihi Rasulullah s.a.w. dari dirimu, kerana itulah aku utamakan kasih Rasulullah s.a.w. mengatasi kasihku."[13]

Sayyidina 'Umar berkata demikian kerana beliau tahu bahawa kasih Rasulullah s.a.w. itu ditimbang dengan neraca langit.

Penghormatan 'Umar Kepada 'Ammar Dan Bilal

Khalifah 'Umar telak menghantar 'Ammar untuk memeriksa Khalid ibn al-Walid seorang panglima yang berjaya dari keturunan bangsawan. 'Ammar telah memberkaskannya dengan kainnya, dan menurut satu riwayat, 'Ammar telah mengikatkannya dengan serbannya. Apabila 'Ammar selesai memeriksanya dan ternyata ia tidak bersalah, ia terus membuka ikatannya itu dan mengenakan kembali serban di kepala Khalid dengan tangannya, sedangkan Khalid tidak merasa tersinggung dengan perbuatan 'Ammar itu, kerana ia sedar bahawa 'Ammar itu sahabat Rasulullah s.a.w. dari angkatan pertama yang memeluk Islam dan disanjung tinggi olehnya.

Sayyidina 'Umar pernah menyifatkan Sayyidina Abu Bakr sebagai "penghulu kita yang telah memerdekakan penghulu kita." Ia maksudkan dengan penghulu kita yang akhir itu ialah Bilal, yang dahulunya hamba kepada Umayyah ibn Khalaf. Dia telah mengazabkan Bilal dengan penyeksaan yang teruk sehingga ia dibeli oleh Abu Bakr dan dimerdekakannya dari perhambaan. Bilal inilah yang dikatakan oleh 'Umar ibn al-Khattab sebagai "penghulu kita."

Penghormatan 'Umar Kepada Salim Maula Abu Khuzayfah

Sayyidina 'Umar juga yang pernah berkata, "Jika Salim Maula (bekas hamba) Abu Huzayfah masih hidup, nescaya aku lantikkannya menjadi Khalifah."

Beliau mengeluarkan kata-kata ini, sedangkan beliau tidak melantik Sayyidina 'Uthman, tidak pula Sayyidina Ali, tidak pula Talhah dan tidak pula az-Zubayr, malah ia mencalonkan enam orang bagi jawatan itu untuk diputuskan dalam Syura tanpa menentukan salah seorang dari mereka.

Ali ibn Abu Talib - karramahahu wajhahu - telah menghantar 'Ammar dan al-Hasan ibn Ali kepada penduduk Kufah untuk meminta pertolongan mereka dalam perselisihan yang telah berlaku di antara beliau dengan Siti Aisyah r.a. Beliau berkata kepada mereka: "Aku tahu dia itu isteri Nabi kamu s.a.w. dunia dan

---

[12] *Dari buku* العدالة الإجتماعية في الإسلام

[13] *Dikeluarkan oleh at-Tirmizi.*

Akhirat, tetapi Allah mahu menguji kamu apakah kamu hendak mengikut beliau atau hendak mengikut dia (Aisyah)." (Dikeluarkan oleh al-Bukhari).

Kemudian penduduk Kufah mendengar pandangan beliau mengenai Aisyah Ibu Para Mu'minin dan puteri Abu Bakr as-Siddiq r.'anhum.

Kejujuran Dan Ketegasan Bilal Ibn Rabah

Satu masa Bilal ibn Rabah telah diharapkan oleh saudara seagama dengannya iaitu Abu Ruwayhah al-Khathami supaya menjadi orang tengah untuk berkahwin dengan wanita dari satu kaum dari negeri Yaman. Bilal berkata kepada mereka:

"Saya Bilal ibn Rabah dan ini saudara saya Abu Ruwayhah. Ia seorang yang buruk dari segi akhlak dan agama. Oleh itu, jika anda sekalian sudi mengahwinkannya, maka kahwinkannya, dan jika anda sekalian tidak mahu menerimanya, maka tinggalkannya."

Ia tidak menipu mereka dan tidak menyembunyikan keaiban saudaranya, malah ia tidak menyebut bahawa dirinya orang tengah dan tidak lupa bahawa dia bertanggungjawab di hadapan Allah terhadap apa yang dikatakannya. Oleh itu, kerana mereka percaya kepada kejujuran Bilal, mereka bersetuju mengahwinkan anak mereka dengan Abu Ruwayhah. Cukuplah bagi mereka Bilal bekas hamba dari bangsa Habsyi itu menjadi orang tengahnya dan Abu Ruwayhah seorang Arab yang berketurunan mulia.

* * * * * *

Nilai Rabbani Telah Mengangkat Bekas-bekas Hamba Ketaraf Tokoh-tokoh Ahli Perundangan Islam Yang Terbilang

Hakikat nilai yang agung ini telah bertunjang kukuh di dalam masyarakat Islam di zaman itu, dan terus kukuh berabad-abad lamanya walaupun menghadapi berbagai- bagai faktor kejatuhan. Apabila disebut Abdullah ibn 'Abbas, maka akan disebut bersamanya 'Ikrimah, bekas hambanya. Begitu juga apabila disebut Abdullah ibn 'Umar akan disebut bersamanya Nafi' bekas hambanya, dan apabila disebut Anas ibn Malik akan disebut bersamanya Ibn Sirin bekas hambanya, dan apabila disebut Abu Hurayrah akan disebut bersamanya Abdul Rahman ibn Hurmuz bekas hambanya. Di Basrah bekas hamba yang terkenal ialah al-Hasan al-Basri, di Makkah ialah Mujahid ibn Jabr, 'Ata' ibn Rabah dan Tawus ibn Kisan. Mereka adalah tokoh-tokoh Ahli Fiqah. Di Mesir tokoh yang memegang jawatan mufti di zaman Khalifah 'Umar ibn Abdul Aziz ialah Yazid ibn Abu Habib iaitu bekas hamba hitam dari Dunqulah.[14]

[14] *Diambil daripada buku "Abu Hanifah" oleh Ustaz Abdul Halim al-Jundi.*

Di Zaman Kebelakangan Nilai Rabbani Di Dalam Negeri-negeri Islam Telah Diganti Semula Dengan Nilai Jahiliyah

Neraca langit terus menerus mengangkatkan Ahli at-Taqwa walaupun mereka tidak mempunyai sebarang nilai bumi. Dan neraca ini tidak terangkat dari bumi melainkan dalam zaman kebelakangan ini, iaitu selepas pengaruh jahiliyah menguasai seluruh dunia, di mana setiap orang dinilai dengan jumlah dolar simpanannya seperti di Amerika kepala negeri-negeri blok Barat, atau setiap orang dinilai tidak lebih dari alat dalam aliran materialisme seperti Russia kepala negeri-negeri blok Timur. Sementara di negeri-negeri Islam pula, pengaruh jahiliyah yang pertama kembali menguasai negeri-negeri itu. Suara seruan-seruan perkauman yang telah dibasmikan oleh Islam kembali menentang dan meleburkan neraca langit dan membawa negeri-negeri itu kepada nilai-nilai jahiliyah yang tidak ada hubungan dengan iman dan taqwa.

Harapan hanya terletak pada da'wah Islamiyah untuk menyelamatkan seluruh umat manusia sekali lagi dari jahiliyah. Semoga di tangannya nanti akan terlaksana kelahiran baru umat manusia seperti kelahiran yang telah disaksikan mereka buat pertama kalinya yang dibawa oleh peristiwa yang telah diceritakan oleh permulaan surah ini untuk mengumumkan kelahiran itu dalam ayat-ayat yang pendek, tegas dan agung.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 23)

Manusia Kafir Lupa Daratan Dan Asal Usul Kejadian

Setelah menjelaskan hakikat yang agung itu menerusi peristiwa Ibn Ummu Maktum di permulaan surah ini, Al-Qur'an melahirkan, dalam bahagian yang kedua kehairanannya terhadap manusia yang enggan menerima hidayat, menolak keimanan dan memandang rendah da'wah kepada Allah. Ia hairankan sikap mereka yang kafir dan tidak mengingati asal-usul kejadian mereka, dan tidak memikirkan betapa besarnya keperihatinan dan pemeliharaan Allah terhadap mereka dalam segenap peringkat perkembangan hidup mereka, dari permulaan jadi hingga mati. Ia hairankan perbuatan mereka yang tidak menunaikan kewajipan-kewajipan mereka terhadap Allah Pencipta, Pemelihara dan Penghisab.

قُتِلَ ٱلْإِنسَٰنُ

"Wajarlah manusia itu dibunuh!"(17)

Yakni ia wajar dibunuh; kerana tindak-tanduknya yang ganjil. Ungkapan ini merupakan ungkapan memburuk dan mengeji manusia yang telah melakukan satu perbuatan yang wajar dibunuh kerana terlalu hina dan kejinya.

"Alangkah besar kekufurannya."(17)

Alangkah kejinya perbuatan mereka yang mengingkari Allah dan lupakan asal-usul kejadiannya. Andainya mereka mengenangkan asal-usul mereka tentulah mereka bersyukur kepada Pencipta mereka. Dan tentulah mereka bersikap rendah diri di dunianya dan mengenangkan Akhiratnya. Jika tidak mengapa mereka bersikap angkuh dan berpaling dari da'wah Allah? Bagaimana asal-usul mereka dan bagaimana asal mula mereka?

"Dari bahan apakah ia diciptakan Allah?"(18)

Asal-usul mereka sangat rendah dan kerdil. Nilai diri mereka hanya diambil dari limpah kurnia Allah dan dari tadbir dan perencanaan-Nya:

مِن نُّطْفَةٍ خَلَقَهُۥ فَقَدَّرَهُۥ ﴿١٩﴾

"Allah ciptakannya dari nutfah dan menentukan perencanaan terhadapnya."(19)

Allah Mengurniakan Segala Kemudahan Yang Diperlukan Manusia Dari Detik Pertama Ia Diwujudkan Hingga Kedetik Akhir Hayatnya

Yakni Allah menciptakan manusia dari bahan yang tidak mempunyai nilai. Dan Allahlah yang mengaturkan kejadian-kejadiannya dengan perencanaan dan penciptaanNya yang rapi hingga ia menjadi makhluk yang sempurna dan mulia. Berkat limpah kurnia-Nya, manusia yang berasal-usul yang rendah dapat meningkat ke darjat yang tinggi hingga alam bumi dengan segala isi kandungannya diciptakan untuk faedahnya.

"Kemudian Dia memudahkannya memilih jalan."(20)

Yakni Allah memudahkan jalan kehidupan atau jalan hidayat, di samping memberikannya kemudahan bertindak dengan sifat-sifat, bakat-bakat dan kesediaan-kesediaan yang ada pada dirinya sama ada untuk perjalanan hidupnya atau untuk mencari hidayat di dalam hidupnya, dan sesudah tamat perjalanannya ia akan kembali kepada kesudahan yang diterima oleh setiap yang hidup tanpa pilihan dan tanpa kesempatan melainkan dirinya:

"Kemudian Dia mematikannya dan mengkebumikannya."(21)

Kesudahan manusia sama dengan permulaannya; semuanya terletak di tangan kekuasaan Allah yang melahirkannya ke alam al-wujud apabila Ia kehendaki dan menamatkan riwayat hidupnya apabila Ia kehendaki. Ia jadikan kuburnya di dalam bumi sebagai menghormatinya. Mayatnya tidak ditinggalkan di muka bumi untuk makanan binatang-binatang buas, malah dalam jiwanya telah ditanamkan kecenderungan semulajadi untuk melindungi dan mengkebumikan mayat-mayatnya. Itulah sebahagian dari tadbir dan perencanaan Allah.

Hingga apabila sampai ketika yang ditentukan iradat-Nya, ia akan dihidupkannya kembali untuk tujuan yang telah diaturkan-Nya.

ثُمَّ إِذَا شَآءَ أَنشَرَهُۥ ﴿٢٢﴾

"Kemudian apabila Dia kehendaki Dia akan membangkitkannya kembali."(22)

Manusia tidak dibiarkan sia-sia dan percuma. Ia tidak pergi tanpa Hisab dan Balasan. Tetapi apakah engkau melihatnya telah bersedia untuk menghadapinya?

كَلَّا لَمَّا يَقْضِ مَآ أَمَرَهُۥ ﴿٢٣﴾

"Tidak sekali-kali begitu, manusia belum lagi melaksanakan apa yang diperintahkan-Nya."(23)

Manusia Umumnya Belum Lagi Menyempurnakan Segala Perintah Allah

Manusia umumnya iaitu seluruh individunya dan seluruh generasinya belum lagi melaksanakan apa yang diperintahkan Allah hingga ke akhir detik hayatnya. Itulah saranan yang disampaikan oleh ungkapan كلا. Tidak sekali-kali begitu, manusia masih cuai, tidak menunaikan kewajipannya, tidak mengingatkan asal-usul kejadiannya dengan ingatan yang sebenar, tidak bersyukur kepada Allah dengan kesyukuran yang sebenar, tidak menggunakan perjalanannya di dunia ini untuk membuat persediaan bagi menghadapi Hari Hisab dan Balasan. Beginilah keadaan manusia pada keseluruhannya, sedangkan kebanyakan mereka pula menolak dan menentang hidayat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 24 - 32)

Setelah menyentuh kejadian manusia, Al-Qur'an menyentuh pula dalam bahagian ayat-ayat yang baru tentang mengapa manusia tidak melihat, kepada makanannya dan kepada makanan ternakannya dalam perjalanan hidup ini? Makanan merupakan salah satu keperluan yang diciptakan Allah untuk manusia:

فَلْيَنظُرِ ٱلْإِنسَٰنُ إِلَىٰ طَعَامِهِۦٓ ﴿٢٤﴾

أَنَّا صَبَبْنَا ٱلْمَآءَ صَبًّا ﴿٢٥﴾

ثُمَّ شَقَقْنَا ٱلْأَرْضَ شَقًّا ﴿٢٦﴾

فَأَنۢبَتْنَا فِيهَا حَبًّا ﴿٢٧﴾ وَعِنَبًا وَقَضْبًا ﴿٢٨﴾

وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا ﴿٢٩﴾

"Kemudian hendaklah manusia memerhatikan makanannya(24). Sesungguhnya Kami telah mencurahkan air dengan curahan yang lebat(25). Kemudian Kami belahkan bumi dengan belahan yang sempurna(26). Lalu Kami tumbuhkan padanya biji-bijian(27). Anggur dan sayur-sayuran(28). Zaitun dan kurma."(29)

"Dan kebun-kebun yang merimbun subur(30). Serta buah-buahan dan rumput-rampai(31). Untuk kenikmatan kamu dan ternakan kamu."(32)

Kisah Makanan Manusia

Inilah kisah penciptaan makanan manusia. Ia diperincikan peringkat demi peringkat. Hendaklah manusia memikirkan persoalan makanan ini. Apakah ada tangan kekuasaan yang lain, yang mencipta dan mengaturkan makanan itu? Sesungguhnya tangan kekuasaan yang mencipta dan melahirkan manusia ke alam wujud dan mengaturkan kisah-kisah hidupnya dengan indah itulah juga tangan kekuasaan yang mencipta dan mengeluarkan makanannya serta mengaturkan kisah kejadian makanan dengan indah!

"Kemudian hendaklah manusia memerhatikan pula makanannya."(24)

Makanan merupakan suatu yang paling dekat dan rapat dengan manusia dan paling perlu kepadanya. Perhatikanlah kepada makanan ini. Ia sentiasa mudah, perlu, siap sedia dan berulang. Perhatikanlah kepada kisahnya yang aneh dan mudah, dan kerana ia begitu mudah diperolehi, manusia lupakan keanehannya. Kisah makanan merupakan satu mu'jizat seperti qiamatnnnnqudrat Tuhan yang menciptakannya:

أَنَّا صَبَبْنَا الْمَاءَ صَبًّا ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah mencurahkan air dengan curahan yang lebat."(25)

Curahan air dalam bentuk hujan merupakan satu perkara yang diketahui oleh semua manusia di segenap masyarakat dari segala peringkat ilmu pengetahuan dan pengalaman. Hakikat ini merupakan satu hakikat yang dapat dibicarakan oleh semua orang. Tetapi setelah manusia mencapai banyak kemajuan dalam ilmu pengetahuan, mereka dapat memahami ayat ini dengan pengertian yang lebih jauh dan lebih tua dari sejarah hujan yang berulang-ulang turun pada hari ini yang dapat dilihat oleh semua orang itu. Andaian yang paling dekat sekarang untuk mentafsirkan kewujudan lautan-lautan besar, di mana airnya mengwap kemudian turun kembali dalam bentuk air hujan, ialah lautan-lautan ini pada mulanya adalah terbentuk di langit di atas kepala kita, kemudian ia dicurahkan ke bumi dengan curahan yang lebat.

Sehubungan dengan ini, salah seorang ahli sains zaman ini telah berkata:

> "Jika betul darjah kepanasan bumi semasa ia berpisah dari matahari ialah kira-kira 12,000 darjah, atau jika darjah kepanasan permukaan bumi sepanas itu, maka tentulah semua unsur di waktu itu bebas dan kerana itu tidak mungkin wujudnya sebarang percantuman kimia yang penting. Apabila bumi atau bahagian-bahagian yang membentukkan bumi itu beransur-ansur sejuk, barulah berlaku percantuman-percantuman kimia dan terbentuklah sel alam yang kita kenali sekarang ini. Unsur-unsur oksigen dan unsur hidrogen tidak mungkin bercantum melainkan apabila kepanasan itu turun kepada 4,000° F. Pada paras inilah unsur-unsur itu bersatu membentuk air yang kita kenali sekarang sebagai hawa bumi. Pada masa itu tentulah air itu sangat besar dan seluruh lautan berada di langit. Dan semua unsur yang masih belum bercantum berada dalam bentuk gas-gas di udara. Setelah air itu terbentuk di udara luar, maka ia pun gugur ke bumi, tetapi ia tidak dapat sampai ke bumi kerana darjah kepanasan berhampiran dengan bumi itu lebih tinggi dari kepanasan yang dalam jarak ribuan batu. Dan sudah tentu sampailah pula masanya, di mana banjir dapat sampai ke bumi dan terbang semula dari bumi dalam bentuk wap. Dan oleh kerana lautan-lautan itu berada di udara, maka banjir-banjir yang berlaku di waktu itu bersama kepanasan yang semakin sejuk itu adalah di luar dugaan, dan arus air itu berjalan bersama hancuran (batu-batu kulit bumi)......... hingga akhir".[15]

Andaian ini - walaupun, kami tidak bermaksud mengulaskan nas Al-Qur'an dengannya - adalah meluaskan pandangan kita terhadap pengertian nas Al-Qur'an itu dan terhadap sejarah curahan air hujan yang lebat yang diterangkan ayat ini. Mungkin andaian ini betul dan mungkin pula ada andaian-andaian lain mengenai asal-usul air di bumi, dan nas Al-Qur'an itu tetap sesuai untuk berbicara dengan semua manusia di setiap zaman dan di setiap generasi.

Itulah permulaan kisah makanan:

أَنَّا صَبَبْنَا الْمَاءَ صَبًّا ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah mencurahkan air dengan curahan yang lebat."(25)

Tiada siapa pun yang mendakwa bahawa dia telah menciptakan air dengan mana-mana rupa bentuknya dan menyebut sejarah bilakah penciptaan air itu berlaku. Begitu juga tiada siapa yang mendakwa dia

---

[15] *Dari buku "Man Does Not Stand Alone" karangan A. Cressy Morrison, terjemahan Mahmud Soleh al-Falaki dengan judul* العلم يدعو إلى الإيمان

telah mencurahkan air ke atas bumi dengan lebat supaya kisah makanan itu berlangsung secara ini.

"Kemudian Kami belahkan bumi dengan belahan yang sempurna."(26)

Kisah Air Hujan Dan Tumbuh-tumbuhan Yang Membelah Bumi

Ini merupakan peringkat kedua selepas curahan air hujan. Kenyataan ini sesuai untuk dihadapkan kepada manusia primitif yang melihat air hujan mencurah dari langit dengan kuasa yang bukan dari kuasanya dan dengan tadbir yang bukan dari tadbirannya, kemudian ia melihat air itu membelah bumi dan meresap ke dalamnya atau melihat tunas tumbuh-tumbuhan membelah bumi dengan qudrat Allah Pencipta, dan tumbuh subur di permukaannya dan menghulurkan batang dan dahan-dahannya ke udara, sedangkan ia sangat kecil dan kerdil dan tanah di atasnya sangat berat, tetapi tangan kekuasaan Pencipta telah membelahkan bumi untuknya dan menolongnya untuk menembusi tanah yang berat itu kerana ia sendiri terlalu lembut dan kecil. Ini adalah satu mu'jizat yang dapat dilihat oleh setiap orang yang memerhatikan kemunculan tumbuh-tumbuhan itu dari dalam tanah dan merasakan ada di sebaliknya cetusan kekuatan yang tersembunyi dalam tumbuh-tumbuhan yang lembut itu.

Maksud Pembelahan Bumi Mengikut Andaian Sains

Apabila pengetahuan manusia bertambah tinggi, ia mungkin membentuk satu pandangan baru tentang maksud nas ini. Mungkin pembelahan bumi untuk menumbuhkan tumbuh-tumbuhan itu lebih lama sejarahnya dari apa yang kita fikir. Mungkin maksud dari pembelahan bumi ialah kehancuran batu-batu kulit bumi akibat banjir-banjir besar yang dikatakan oleh andaian ilmiyah yang tersebut tadi, juga akibat dari berbagai-bagai faktor, udara yang diandaikan oleh ahli-ahli sains sekarang, yang turut bekerjasama menghancurkan batu-batu pejal yang membalut dan menjadi kulit bumi, hingga pada akhirnya mewujudkan lapisan-lapisan tanah lanar atau lumpur yang sesuai untuk tanaman-tanaman. Ini merupakan satu kesan dari kesan-kesan sejarah curahan air yang lebat. Pentafsiran ini lebih sesuai dengan susunan-susunan perkembangan yang dibayangkan oleh ayat-ayat ini.

Sama ada andaian itu atau andaian ini atau andaian-andaian yang lain yang telah berlaku, namun yang menjadi peringkat yang ketiga dalam kisah makanan manusia ialah keluarnya tumbuh-tumbuhan yang berbagai-bagai jenis. Dan di antara yang tersebut di sini ialah jenis tumbuh-tumbuhan yang lebih dekat kepada fahaman orang-orang yang dihadapkan ayat ini serta menjadi makanan umum manusia dan haiwan:

"Lalu Kami tumbuhkan padanya biji-bijian."(27)

Iaitu meliputi semua jenis biji-bijian yang dimakan manusia dan haiwan.

"Anggur dan sayur-sayuran(28). Zaitun dan kurma(29). Dan kebun-kebun yang merimbun subur(30). Serta buah-buahan dan rumput-rampai."(31)

Anggur ialah zabib muda yang terkenal. Kalimat قضبا ialah sayuran yang dimakan segar dan dipotong sekali demi sekali. Zaitun dan kurma merupakan dua jenis makanan yang terkenal kepada setiap orang Arab. Kebun-kebun yang merimbun subur ialah kebun-kebun yang mengandungi pokok-pokok buah-buahan yang dikelilingi dengan dinding-dinding atau pagar-pagar. Kalimat أبا mengikut andaian yang terkuat ialah "rumput-rumpai yang dimakan ternakan". Inilah jenis tumbuh-tumbuhan yang ditanya oleh 'Umar ibn al-Khattab, kemudian ia menarik balik pertanyaan itu dengan menyalahkan dirinya. Hal ini telah diulaskan dalam Surah an-Naazi'aat. Kami tidak perlu menambahkan apa-apa lagi di sini.

Ciptaan Benih-benih Tumbuhan Di Luar Kefahaman Manusia

Demikianlah kisah makanan dan semuanya adalah dari ciptaan tangan qudrat yang menciptakan manusia itu sendiri. Manusia tidak boleh mendakwa ada tangan qudrat yang lain yang turut dalam penciptaan itu, baik dalam apa peringkat perkembangannya sekalipun, hingga biji-biji dan benih-benih yang ditabur di bumi itu juga bukan dari ciptaan dan rekaannya. Mu'jizat dalam ciptaan benih-benih itu adalah di luar kefahaman dan tanggapan manusia. Tanah di hadapannya hanya sama sahaja, tetapi benih-benih dan biji-biji berlainan dan masing-masing mengeluarkan buahnya di petak-petak bumi yang berdekatan. Semuanya dijirus dengan air yang sama, tetapi tangan qudrat Ilahi telah mempelbagaikan tumbuh-tumbuhan dan buahan itu, dan memelihara di dalam biji benih yang kecil itu segala sifat-sifat ibunya yang melahirkannya, kemudian sifat-sifat ini dipindahkan kepada anak yang dilahirkannya. Semua sifat-sifat itu tersembunyi dari pengetahuan manusia. Mereka tidak mengetahui rahsianya dan tidak pula membuat apa-apa keputusan terhadapnya. Dan seterusnya mereka tidak pula dirundingi dalam mana-mana urusannya. Inilah kisah makanan yang dikeluarkan tangan qudrat Allah.

"Untuk kenikmatan kamu dan ternakan kamu"(32)

sehingga kepada suatu masa yang tertentu. Dan selepas itu satu peristiwa akan mengiringi kenikmatan itu, iaitu peristiwa yang wajar difikir oleh manusia sebelum ia berlaku.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 42)

فَإِذَا جَآءَتِ ٱلصَّآخَّةُ ﴿٣٣﴾

يَوْمَ يَفِرُّ ٱلْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ ﴿٣٤﴾

وَأُمِّهِۦ وَأَبِيهِ ﴿٣٥﴾ وَصَٰحِبَتِهِۦ وَبَنِيهِ ﴿٣٦﴾

لِكُلِّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُغْنِيهِ ﴿٣٧﴾

"Kemudian apabila tiba Qiamat yang gegak-gempita(33). Pada hari itu, setiap orang lari dari saudaranya.(34) Dari ibu dan bapanya(35). Dari isteri dan anak-anaknya(36). Pada hari itu, setiap orang dari mereka sibuk dengan diri masing-masing."(37)

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ مُّسْفِرَةٌ ﴿٣٨﴾

ضَاحِكَةٌ مُّسْتَبْشِرَةٌ ﴿٣٩﴾

وَوُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ عَلَيْهَا غَبَرَةٌ ﴿٤٠﴾ تَرْهَقُهَا قَتَرَةٌ ﴿٤١﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَفَرَةُ ٱلْفَجَرَةُ ﴿٤٢﴾

"Pada hari itu, muka orang-orang (Mu'min) berseri-seri(38). Senyum ketawa dan gembira(39). Pada hari itu, muka orang-orang (kafir) comot berdebu(40). Di selubungi suram-muram(41). Merekalah orang-orang kafir yang derhaka."(42)

Kisah Kesudahan Hidup Yang Penuh Nikmat

Inilah kesudahan hidup dalam kenikmatan, inilah kesudahan yang sesuai dengan perencanaan Ilahi yang panjang masanya dan pentadbiran Ilahi yang merangkumi setiap langkah dan peringkat penciptaan manusia. Dalam pemandangan ini terdapat penghabisan yang sesuai dengan pemandangan bahagian pertama surah ini yang menggambarkan seorang yang datang tergesa-gesa menemui Rasulullah s.a.w. dengan hati yang takut kepada Allah, dan menggambarkan pembesar-pembesar Quraisy yang angkuh dan menolak da'wah. Dan kini kedua-dua mereka sedang berada dalam pertimbangan neraca Allah.

فَإِذَا جَآءَتِ ٱلصَّآخَّةُ ﴿٣٣﴾

"Kemudian apabila tiba Qiamat yang gegak-gempita."(33)

"الصاخة" ialah bunyi yang gegak-gempita yang hampir-hampir menembusi telinga ketika ia membelah udara dan sampai ke dalam telinga dengan bunyi yang kuat dan mendesak. Dengan nada yang keras ini, Al-Qur'an mengadakan persediaan untuk menayangkan pemandangan selanjutnya iaitu pemandangan setiap individu lari dari orang-orang yang paling dekat dan mesra dengannya.

Hari Manusia Melarikan Diri Dari Ibu Bapa, Adik-beradik, Isteri Dan Anak-anak

"Pada hari itu, setiap orang lari dari saudaranya(34). Dari ibu dan bapanya(35). Dari isteri dan anak-anaknya."(36)

Dulu orang-orang ini mempunyai pertalian dan hubungan yang tidak mungkin terputus, tetapi gegak-gempita Qiamat yang amat dahsyat itu telah mengoyak dan mencaing-caingkan semua hubungan dan pertalian yang mesra itu.

Kehuru-haraan di dalam pemandangan ini ialah kehuru-haraan jiwa yang mengerikan seseorang, dan memisahkannya dari lingkungannya dan menyeksakannya dengan begitu dahsyat. Setiap orang sibuk dengan dirinya dan cukup dengan kerungsingan dan masalah masing-masing. Mereka tidak mempunyai kelebihan tenaga dan fikiran untuk dibelikan kepada orang lain:

لِكُلِّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُغْنِيهِ ﴿٣٧﴾

"Pada hari itu, setiap orang dari mereka sibuk dengan urusan diri masing-masing."(37)

Bayangan-bayangan makna yang tersembunyi di sebalik ungkapan ini adalah amat mendalam dan jauh. Tidak ada ungkapan yang lebih pendek dan lebih syumul dari ungkapan ini untuk menggambarkan kerungsingan yang mengongkong perasaan dan hati manusia:

لِكُلِّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُغْنِيهِ ﴿٣٧﴾

"Pada hari itu, setiap orang dari mereka sibuk dengan urusan diri masing-masing."(37) [16]

Itulah keadaan seluruh manusia dalam huru-hara hari itu ketika berlaku Qiamat yang gegak gempita itu. Setelah itu, Allah menggambarkan pula keadaan orang-orang Mu'min dan keadaan orang-orang kafir setelah dinilai dan ditimbangkan dengan neraca Allah di sana:

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ مُّسْفِرَةٌ ﴿٣٨﴾

ضَاحِكَةٌ مُّسْتَبْشِرَةٌ ﴿٣٩﴾

"Pada hari itu, muka orang-orang (Mu'min) berseri-seri(38). Senyum ketawa dan gembira."(39)

---

[16] *Dari kitab* مشاهد القيامة في القرآن

Kisah Wajah-wajah Yang Membayangkan Nasib Yang Gemilang Dan Nasib Yang Malang

Inilah wajah-wajah yang berseri-seri riang gembira, yang menaruh harapan pada Allah, yang merasa begitu tenang kerana mendapat keredhaan Allah. Mereka begitu gembira kerana terselamat dari malapetaka Qiamat yang gegak gempita itu. Mereka begitu gembira kerana mengetahui kedudukan mereka yang berbahagia setelah merempuh huru-hara yang dahsyat itu.

"Pada hari itu, muka orang-orang (kafir) comot berdebu(40). Diselubungi suram-muram(41). Merekalah orang-orang kafir yang derhaka."(42)

Wajah golongan ini pula diselubungi debu-debu duka nestapa dan penyesalan, diliputi suram-muram yang membayangkan kehinaan, kerana mereka telah menyedari kejahatan-kejahatan yang telah dilakukan mereka dan kerana mereka telah yakin terhadap balasan yang akan diterima mereka.

أُولَٰئِكَ هُمُ الْكَفَرَةُ الْفَجَرَةُ ﴿٤٢﴾

"Merekalah orang-orang kafir yang derhaka"(42)

yang tidak beriman kepada Allah dan kepada perutusan-perutusan-Nya, yang melanggar batasan Allah dan mencabul larangan-larangan-Nya.

Di atas wajah-wajah dari dua golongan itu terlukis nasib kesudahan masing-masing. Rupa paras wajah-wajah itu terlukis dari celah-celah susunan kata-kata dan ungkapan-ungkapan ayat-ayat itu. Wajah-wajah itu seolah-olah muncul di depan kita kerana kekuatan pengungkapan Al-Qur'an dan kehalusan sentuhan-sentuhannya.

Dengan susunan itu, selaraslah gambaran bahagian pertama dengan gambaran bahagian akhir. Bahagian pertama menjelaskan hakikat nilai atau neraca, dan bahagian akhir menjelaskan hasil penilaian neraca itu. Surah yang pendek ini menjadi satu surah yang tersendiri atau unik dengan pengemblengannya yang mengandungi berbagai-bagai hakikat yang besar, pemandangan-pemandangan, nada-nada dan saranan-saranan yang beraneka ragam yang memberi penjelasan yang cantik dan halus.

* * * * * *